

**B**IDANG pertanian kian meraih perhatian apabila kerajaan mengumumkan ia akan dijadikan antara penjana utama ekonomi negara.

Kolej RISDA bersedia dengan infrastruktur dan perancangan untuk menyumbang dan merealisasikan hasrat kerajaan. Misi ini seiring dengan hasrat kerajaan yang menginginkn bidang pertanian menjadi bidang berperanan sebagai penjana utama ekonomi negara.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datin Dr Faridah Hanam Mohd Rashid, berkata Kolej RISDA bersedia dengan infrastruktur dan perancangan untuk menyumbang dan merealisasikan hasrat kerajaan itu.

Sebagai Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Kolej RISDA membantu membangunkan modal insan dalam sektor pertanian dan perladangan dengan menawarkan pelbagai kursus dalam bidang pertanian. Kolej

# Kolej Risda pacu sektor tani

## IPTS tunggal tawar kursus pertanian pada peringkat diploma

RISDA adalah satu-satunya IPTS yang menawarkan kursus pertanian pada peringkat diploma untuk melahirkan lebih ramai lagi tenaga mahir dan sepuah mahir dalam bidang pertanian.

Setiap sesi pengambilan bilangan pelajar yang mendaftar dalam program Diploma Pertanian semakin meningkat. Mengenai peluang pekerjaan, setakat ini 85 peratus graduan program Diploma Pertanian mendapat pekerjaan ke peringkat lebih tinggi.

Kolej menyediakan peluang melanjutkan pelajaran dalam Diploma Pertanian (kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan

Diploma Pengurusan Ladang (kerjasama dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) serta program Pra-Diploma Sains ditawarkan sebagai feder kepada program Diploma Pengurusan Ladang yang mana Kolej RISDA adalah Kolej Bersekutu UiTM.

Graduan diiktiraf UiTM serta selaras kehendak pasaran kerjaya pada masa depan. Kedua-dua program ini juga mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi dan dalam proses untuk mendapat kelulusan penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Kualiti pembelajaran dipantau dan dikawal selia UiTM. Selain itu, Kolej RISDA memperkenalkan kursus

baru iaitu Diploma Pengurusan Landskap yang akan ditawarkan mulai sesi Julai 2009.

Satu keistimewaan program ini ialah pelajar akan didedahkan dengan aspek pengurusan landskap secara 'hands on' contohnya dalam pengurusan padang golf iaitu salah satu modul yang mana pelajar program ini akan dilatih untuk bermain golf di samping mengurus dan menyelenggara padang golf.

Kolej RISDA juga menawarkan program diploma dan sijil yang mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Kesemua program itu dijalankan di Kampus Kolej RISDA di Melaka.

Program yang ditawarkan ialah Diploma Sains Komputer (UPM), Diploma Pengurusan Perniagaan (UPM), Diploma Perakaunan, Diploma Keusahawanan, Sijil Sains Komputer dan Sijil Pengurusan Perniagaan. Kualiti pembelajaran sentiasa dipantau dan dikawal selia oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan MQA.

Kolej RISDA memainkan peranan utama di dalam menerajui transformasi pertanian melalui pendidikan menerusi jalinan kerjasama dengan Institut Pertanian Bogor (IPB) dalam pelbagai aspek seperti pertukaran pelajar dan pnsyarah, melanjutkan pelajaran dan pindahan kredit, perkongsian maklumat dalam menyediakan modul serta penyelidikan ke arah meningkatkan kualiti pengajian di Kolej RISDA.

Program kerjasama ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk menimba pengalaman dan mendidik mereka kepada persekitaran luar berbeza. Buat permulaan tumpuan kerjasaannya dalam dua program iaitu Diploma Teknologi dan Manajemen Ternak dan Diploma Manajemen Agribisnis.

Kolej RISDA mencipta se-



Faridah Hanam

jarah apabila menjadi Institut Pengajian Tinggi (IPT) pertama di Semenanjung yang menawarkan program Sijil Kemahiran Perladangan Tahap 1 dan 2 di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bagi memenuhi kehendak pasaran pekerjaan di dalam sektor perladangan. Kedua-dua Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) itu ialah Sijil Konduktor Ladang dan Sijil Operator Pengeluaran (Kilang) Minyak Sawit yang mengambil masa 6 bulan setiap tahap.

Sebuah pelajar diploma yang mengikuti pengajian di Kolej RISDA akan diuruskan bagi mendapat pembiayaan dan penajaan daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan MARA untuk pelajar yang layak.

Selain itu, RISDA juga memperuntukkan skim biasiswa bagi membiayai pen-

gian generasi kedua pekebun kecil yang layak untuk melanjutkan pelajaran di Kolej RISDA. Kolej RISDA juga menguruskan kursus-kursus kemahiran jangka pendek dalam bidang kecantikan, jahitan, perkapalan, baik pulih telefon bimbit, juruelektrik, kimpalan, bakeri & pastri dan pembaik pulih komputer dan sebagainya dengan pembiayaan dari RISDA dan juga Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah (KKLW) bagi memenuhi kehendak generasi kedua pekebun kecil dan masyarakat luar bandar.

Pengambilan pelajar bagi program diploma dan sijil akan dibuat pada 1 Julai 2009. Untuk maklumat lanjut, hubungi talian 06-552 9227 / 9642 (Kolej RISDA Melaka), fax 06-5529963 dan di talian 03-4257 1677/2677 (Ibu Pejabat Kolej RISDA), faks 03-42534831 atau layari laman web www.kolej-risda.edu.my.



**KOLEJ RISDA**  
Menjana Kecemerlangan Tanpa Batasan

**PROGRAM DIPLOMA DAN SIJIL**

- **DIPLOMA PERTANIAN**  
KPI/JPS 5195/IPS/1075/JD 2 (24) - 03/14  
5 kredit - BM, Math, Biologi atau Sains, 1 subjek (Fisiologi/Sains Pertanian/Sains Tambahan) Math Tambahan/Sisytik Sains & Teknikal dan 1 subjek lain serifa. JUS BI
- **DIPLOMA PENGURUSAN LADANG**  
KPI/JPS (KA 8772) - 12/12  
5 kredit - BM, Math atau Math Tambahan, 1 subjek Sains (Fisiologi/Biologi/Sains Tambahan/Sains) dan 2 subjek lain serifa. JUS BI
- **DIPLOMA SAINS KOMPUTER**  
KPI/JPS 5195/IPS/1075/JD 2 (24) - 06/12  
5 kredit - BM, Math, 1 subjek Sains dan 2 subjek lain serifa. JUS BI
- **DIPLOMA PENGURUSAN PERNIAGAAN**  
KPI/JPS (KA 3090) - 09/12  
5 kredit - BM, Math dan 3 subjek lain serifa. JUS BI
- **DIPLOMA PENGURUSAN LANDSKAP**  
3 kredit - BM dan 2 subjek lain serifa. JUS BI Math atau Sains dan 1 subjek lain
- **DIPLOMA PERAKAUNAN**  
KPI/JPS (KA 3490) - 12/09  
3 kredit - BM, Math dan 1 subjek lain serifa. JUS BI
- **DIPLOMA KEUSAHAWANAN**  
KPI/JPS (KA 3491) - 12/09  
3 kredit - BM, Math dan 1 subjek lain serifa. JUS BI
- **PRA DIPLOMA SAINS (OP01 - (2 semester)**  
KPI/JPS (KA 8774) - 12/12  
5 kredit - BM, Math, 3 subjek lain serifa. JUS BI 1 subjek Sains (Fisiologi/Biologi/Sains Tambahan atau Math Tambahan) dan kulua BI
- **SIJIL PENGURUSAN PERNIAGAAN - (3 semester)**  
KPI/JPS (KR 8958) - 12/13  
2 kredit - BM dan 1 subjek lain
- **SIJIL SAINS KOMPUTER (3 semester)**  
KPI/JPS (KR 3701) - 04/13  
2 kredit - BM dan Math

**PROGRAM SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA**

- **KONDUKTOR LADANG**  
-TAHAP 1 & 2 (12 Bulan)
- **OPERATOR PENGELUARAN (KILANG) MINYAK SAWIT**  
-TAHAP 1 & 2 (12 Bulan)
- **KEJURUTERAAN SISTEM KOMPUTER**  
-TAHAP 2 & 3 (18 Bulan)
- **PENUBAT PAKAJIAN WANITA**  
-TAHAP 1 & 2 (12 Bulan)

\*Syarat-syarat permohonan:  
Lepasan SPM/SPM(V) dan bernilai dalam bidang yang dipilh

**PEMBIAYAAN DIURUSKAN BAGI MEREKA YANG LAYAK**  
PPTN / YPM / MARA / RISDA / Yayasan Negeri / Tabung Pendidikan Negeri- Hegeri dan lain-lain

**PENDAFARAN TERBUKA DI PEJABAT RISDA NEGERI DAN DAERAH**

1 JULAI 2009

NEGERIDAERAH	TARIKH	PEJABAT RISDA NEGERI/PEJABAT RISDA DAERAH
SG PETANI	18/05/2009	Jalan Seberet, Sungai Petani
KUBANG PASU	19/05/2009	Jalan Changlun, Jitra
PERLIS	20 & 21/05/2009	Pejabat RISDA Negeri, Kangar
KEMAMAN	26/05/2009	Jalan Penghijuan, Kemaman
DUNGUIN	27/05/2009	Jalan Mustafu, Dungun
TERENGGANU	23/05/2009	Pejabat RISDA Negeri, Kuala Terengganu
KELANTAN	1/06/2009	Pejabat RISDA Negeri Kota Bharu
BESUT	2 & 3/06/2009	Jalan Tembaka, Kg. Paka, Besut
H. TERENGGANU	4/06/2009	Jalan Masjid-Kuala Beraing, Hulu Terengganu
N. SEMBILAN	9/06/2009	Malim Rahang, Seremban
JEJERU	10/06/2009	Jalan Guruh, Kuala Kangsar, Jembi
TEMERLOH	9/06/2009	Pejabat RISDA Daerah Temerloh
KEMANTUT	10/06/2009	Pejabat RISDA Daerah Kemantut
BENTONG	11/06/2009	Pejabat RISDA Daerah Bentong
PAHANG	16/06/2009	Jalan Hay Amd, Kuantan
PEKAN	17/06/2009	Pejabat RISDA Daerah Pekan
MARAN	18/06/2009	Pejabat RISDA Daerah Maran
KUALA LIPIS	22/06/2009	Pejabat RISDA Daerah Lipis
GUA MUSANG	23/06/2009	Pejabat RISDA Daerah Gua Musang
KUALA KRAI	24/06/2009	Pejabat RISDA Jajntan Kelantan Selatan
TANAH MERBAH	25/06/2009	Jalan Pejabat, Tanah Merbah
KUALA PLAH	28/06/2009	Jalan Sevek Lalar, Kuala Plah
TAMPIN	30/06/2009	Jalan Seremban-Tampin, Tampin

Permohonan dialamatkan ke **PENDAFARAN KOLEJ RISDA**  
Lot 2020, Ayer Pa'abas, 78000 Alor Gajah, Melaka.  
Tel: 60-552 9227/9642 Faks: 06-552 9963



KEDUDUKAN Kolej RISDA strategik dengan kemudahan serba lengkap.